

Skim gaji polis dikaji semula

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharum berkata, skim gaji dan kenaikan pangkat anggota polis akan dikaji semula.

Menurut beliau, kemungkinan juga jawatan kadet Asisten Supritendan (ASP) akan dihapuskan.

Mohd. Johari berkata, secara peribadi beliau berpendapat jawatan kadet ASP tidak perlu diwujudkan lagi dan sebaliknya mereka yang memasuki pasukan polis dengan berkelulusan ijazah diberikan pangkat Inspektor sebagai permulaan tugas.

"Saya sebenarnya secara peribadi lebih suka jika jawatan kadet ASP tidak diwujudkan lagi. Walaupun bermula dengan jawatan Inspektor, gajinya akan mengikut skim guru yang memiliki diploma atau skim ijazah yang lain," katanya.

Mohd. Johari berkata demikian ketika mengumpul Bajet 2007 bagi kementerianya di Dewan Rakyat, hari ini.

Um - 21/9/2006
Kata beliau, kemasukan sebagai Inspektor lebih sesuai berbanding dengan kadet ASP kerana seseorang pegawai polis itu mesti berkebolehan untuk memberi arahan kepada anggota bawahan.

"Sekiranya seseorang itu baru keluar dari universiti dan terus menjawat jawatan sebagai kadet ASP, saya merasakan perkara ini tidak akan menepati matlamat kita.

"Kalau seseorang pegawai polis itu tidak mempunyai pengalaman yang cukup adalah sukar untuk mereka memberikan arahan. Walaupun berkelulusan dari universiti tetapi pengalaman itu lebih tinggi," ujar beliau.

Mengenai kenaikan gaji anggota polis, Mohd. Johari berkata, walaupun beliau bersetuju dengan cadangan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan bahawa gaji anggota polis perlu disemak semula tetapi perkara itu bergantung kepada kemampuan kewangan negara.